



**SEBAHAGIAN** pengurusan kanan Matrix Concepts bersama anak-anak yatim di Country Club, Bandar Sri Sendayan, Seremban baru-baru ini.

## Matrix Concepts rai 70 anak yatim sempena Krismas

**SEREMBAN** - Matrix Concepts Holdings Bhd. (Matrix Concepts) meraikan seramai 70 anak-anak yatim daripada tiga buah pusat kebajikan di daerah ini sempena sambutan perayaan Krismas.

Ketua Pegawai Pemasaran Matrix Concepts, Lim Kok Yee berkata, sambutan bertema *Magical Christmas* itu meraikan anak-anak yatim daripada tiga buah rumah kebajikan iaitu iaitu Shekinah Care Center, Pertubuhan Kebajikan Kanak-Kanak Seremban dan Church Of Visitation Shelter.

"Pada tahun ini, kami menyerahkan sumbangan bernilai

RM3,000 bagi setiap rumah kebajikan yang kami pilih," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan *Magical Christmas 2022* di Bandar Sri Sendayan di sini baru-baru ini.

Menurutnya, tema tersebut diambil bagi mengingatkan masyarakat di negara ini yang terdiri daripada berbilang kaum agar menghormati setiap perayaan yang diadakan.

*Magical Christmas* sedang berlangsung sehingga 25 Disember ini pada setiap hujung minggu bertempat di Country Club di sini.